

Ramai minat

■ 800 penuntut ikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam di AeU sejak 2013

Hamizah Badiran

hamizah@hmetro.com.my

Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Penugaran Pengajian Islam Peringkat Sekolah Rendah) dengan kepujian kepada guru dalam perkhidmatan dan mereka yang berminat diperkenalkan Asia e University (AeU) pada 2013.

Tujuannya mahu meluaskan ilmu pengetahuan mengenai subjek pengajian Islam di peringkat sekolah rendah dan ia mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Dekan Pusat Pengajian Sastera, Kemanusiaan dan Sains Sosial (SAHUSS), Profesor Dr Juhary Ali berkata, walaupun program itu masih baru, ia mempunyai lebih 800 penuntut.

“Buat waktu ini, beberapa pusat pembelajaran menawarkan program itu iaitu di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kota Bharu, Melaka, Kota Kinabalu, Beaufort, Kudat, Labuan, Limbang, Mukah dan Daro.

“Antara pusat pembelajaran baru yang akan dibuka ialah di Taiping, Kuala Kangsar, Manjung, Teluk Intan, Grik, Kuching, Seremban 2 dan Kuantan,” katanya.

Berbeza dengan institusi pengajian tinggi lain, AeU memberi kelonggaran kepada mereka yang tidak mempunyai kelayakan akademik bagi mengikuti kursus berkenaan.

Bagi mereka yang tidak mempunyai

diploma dalam bidang pendidikan namun berminat mengikuti program ini boleh memohon melalui syarat pengambilan terbuka iaitu memiliki sekurang-kurangnya Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan berumur sekurang-kurangnya 21 tahun ketika permohonan dibuat.

Katanya, senario guru Kelas Agama Fardhu Ain (KAFA) di sekolah agama di seluruh negara yang mahu melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi menjadikan AeU terpanggil untuk memperkenalkan program Diploma Pengajian Islam.

“Ia bagi memberi peluang kepada guru KAFA meningkatkan pengetahuan di peringkat tinggi supaya tidak ketinggalan,” katanya.

Menurutnya, kewujudan dua kursus di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda dalam pengajian Islam itu membuktikan AeU mementingkan kehendak masyarakat dalam menyediakan program di peringkat pengajian tinggi.

Katanya, AeU akan memperkenalkan program di peringkat sarjana dan kedoktoran pada semester September 2016.

Program yang ditawarkan di AeU mempunyai taraf dan kualiti yang sama dengan universiti lain cuma kaedah penyampaian kepada penuntut berbeza dan tidak membebankan mereka yang bekerja.

Penuntut boleh memilih mengikuti program ini secara dalam talian sepenuhnya atau secara teradun di mana

pertemuan bersemuka disediakan di pusat pembelajaran AeU.

Dengan menggunakan laman sesawang khas, myPLS, ia membolehkan pelajar mengakses dan memuat naik material pembelajaran lebih awal.

Hubungi

1-300-300-238 atau

layari laman web www.aeu.edu.my untuk maklumat.

DR JUHARY

